

TEMA 1 SISTEM EKONOMI DAN KEWANGAN ISLAM
PELAJARAN 1 SISTEM EKONOMI ISLAM
MODUL CEMERLANG TASAWWUR ISLAM
TINGKATAN 5 KSSM / 2021
SMK JALAN KOTA TINGGI KLUANG JOHOR

Bahagian A
(20 markah)

Arahan : Jawab semua soalan.

Soalan 1 hingga Soalan 4

Lengkapkan pernyataan berikut dengan jawapan yang betul dalam ruangan kosong yang disediakan.

1. Ekonomi Islam berkonsepkan _____ ketidakadilan dalam pemerolehan dan penggunaan sumber alam.
2. Sistem ekonomi Islam mengiktiraf _____ harta individu.
3. Dalam sistem ekonomi Islam, pengagihan harta dalam kalangan masyarakat dilakukan secara _____.
4. Pengelolaan harta menurut sistem ekonomi Islam hendaklah mengikut kehendak _____.

Soalan 5 hingga Soalan 8

Tulis istilah yang betul dengan pernyataan berikut dalam ruangan kosong yang disediakan.

- | | |
|---|----------------------|
| 5. Ilmu yang digunakan oleh manusia bagi memenuhi keperluan ekonomi berteraskan aturan syariat Islam. | <input type="text"/> |
| 6. Ilmu tentang asas-asas pengeluaran, pembahagian, penggunaan barang-barang dan perkhidmatan serta isu kewangan. | <input type="text"/> |
| 7. Sesuatu yang dikurniakan oleh Allah s.w.t kepada hambaNya untuk dimiliki dan dimanfaatkan menurut kehendak syarak. | <input type="text"/> |
| 8. Satu kegiatan yang dilakukan bagi mendapatkan sumber pendapatan dan memiliki harta dengan cara yang halal. | <input type="text"/> |

Soalan 9 hingga Soalan 10

Lengkapkan jadual berkaitan sumber utama sistem ekonomi Islam.

- | | |
|--|----------------------|
| 9. Kalam Allah s.w.t yang bermukjizat diturunkan melalui Malaikat Jibril. | <input type="text"/> |
| 10. Menghubungkan hukum yang tidak ada kepada hukum yang ada kerana bersamaan illat. . | <input type="text"/> |

Soalan 11 hingga Soalan 12

Lengkapkan jadual berikut berkaitan jenis pemilikan harta.

Jenis Pemilikan Harta	Keterangan
P	Pemilikan secara bersama oleh anggota masyarakat terhadap sesuatu sumber, barangan atau perkhidmatan.
Q	Harta yang diuruskan oleh kerajaan untuk kepentingan awam selaras dengan tuntutan agama dan keperluan.

11. **P** ialah _____

12. **Q** ialah _____

Soalan 13 hingga Soalan 14

Lengkapkan rajah berikut kesan pekerjaan yang halal.




13. **R** ialah _____

14. **S** ialah _____

Soalan 15 hingga Soalan 16

Lengkapkan rajah berikut berkaitan dengan sistem ekonomi konvensional.



13.	T ialah _____
14.	U ialah _____

Soalan 17 hingga Soalan 20

Tandakan (✓) pada pernyataan yang betul dan (X) pada pernyataan yang salah.

17. Sistem ekonomi Islam memberi keutamaan kepada pengeluaran barangan asas berbanding barangan mewah. ☐
18. Mengambil berat tentang ibadah ketika bekerja merupakan etika kerja Islam. ☐
19. Bekerja merupakan satu ibadah yang diberikan ganjaran pahala. ☐
20. Orang yang menceburi bidang pekerjaan halal akan mendapat keredhaan dan keberkatan daripada Allah s.w.t. ☐

JAMIYAH FAIRUZ BINTI MOHAMMAD